



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 35 TAHUN 2013

**TAMBAHAN SYARAT INDEKS JISIM BADAN
(*BODY MASS INDEX*) DALAM PERBEKALAN
UKURAN FIZIKAL**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan menambah syarat Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index* [BMI]) dalam perbekalan ukuran fizikal bagi 16 skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. BMI merupakan satu piawai pengukuran bagi menentukan berat badan unggul. Seseorang yang mempunyai ukuran BMI di antara julat 19 hingga 26 adalah menepati ukuran berat badan unggul.

3. Skim-skim perkhidmatan semasa yang mempunyai perbekalan syarat fizikal adalah perkhidmatan yang melaksanakan skop tugas penguatkuasaan, pertahanan dan keselamatan. Kerajaan telah bersetuju supaya syarat BMI dimasukkan ke dalam skim perkhidmatan berkenaan bagi memastikan calon mempunyai kemampuan fizikal yang sesuai untuk menjalani latihan dan tugas yang lasak. Walau bagaimanapun, keistimewaan ukuran BMI di antara julat 19 hingga 30 diberikan kepada pegawai yang dilantik melalui Peningkatan Secara Lantikan setelah mengambil kira pengalaman dan kemahiran yang dimiliki.

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN

4. Syarat BMI akan dimasukkan ke dalam 16 skim perkhidmatan yang memperuntukkan perbekalan syarat ukuran fizikal seperti berikut:

Bil.	Skim Perkhidmatan	Lampiran
i.	Penguasa Penjara	A
ii.	Penolong Penguasa Penjara	B
iii.	Pegawai Penjara	C
iv.	Penguasa Bomba	D
v.	Penolong Penguasa Bomba	E
vi.	Pegawai Bomba	F
vii.	Pegawai Penguatkuasa	G
viii.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	H
ix.	Pembantu Penguatkuasa	J
x.	Pegawai Keselamatan	K
xi.	Penolong Pegawai Keselamatan	L
xii.	Pembantu Keselamatan	M
xiii.	Pengawal Keselamatan	N
xiv.	Pegawai Kesatria	P
xv.	Penolong Pegawai Kesatria	Q
xvi.	Pembantu Kesatria	R

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka 16 skim perkhidmatan di dalam pekeling perkhidmatan seperti berikut adalah dibatalkan:

- (a) Pegawai Penguatkuasa, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Pembantu Penguatkuasa, Pegawai Keselamatan, Penolong Pegawai Keselamatan, Pembantu Keselamatan, Pengawal Keselamatan, Pegawai Kesatria, Penolong Pegawai Kesatria, Pembantu Kesatria di dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara, Pegawai Penjara di dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005; dan
- (c) skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba di dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN/GAJI : **KX41, KX44, KX48, KX52, KX54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 NOVEMBER 2013**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41: RM1,925.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX41: RM2,131.73);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pangamal perubatan berdaftar.
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	<p>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus peperiksaan khas; dan</p> <p>(b) had umur pelantikan:</p> <p>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</p> <p>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</p> <p>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<p>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KX41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.</p>
TEMPOH PERCUBAAN	<p>5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</p>
LATIHAN	<p>6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	<p>7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	<p>8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <p>(a) memenuhi tempoh percubaan;</p> <p>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	<p>9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.</p>
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX44	<p>10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.</p> <p>11. Penguasa Penjara Gred KX41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX44 yang kosong apabila telah:</p> <p>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</p> <p>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</p> <p>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX48**

12. Penguasa Penjara Gred KX44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX52**

13. Penguasa Penjara Gred KX48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX54**

14. Penguasa Penjara Gred KX52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

15. Penguasa Penjara Gred KX54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penguasa Penjara yang berkuat kuasa pada 1.7.2005 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005).

LAMPIRAN B

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PENGUASA PENJARA

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DAN PERTAHANAN AWAM**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

GRED JAWATAN/GAJI : **KX27, KX32, KX38**

TARIKH KUAT KUASA : **1 NOVEMBER 2013**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27: RM1,374.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27: RM1,374.00); atau
 - (iii) diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27: RM1,673.91);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak tercacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: <ul style="list-style-type: none"> (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau (ii) lulus peperiksaan khas; dan (b) had umur pelantikan: <ul style="list-style-type: none"> (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KX27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	5. Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	6. Pegawai dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX32	11. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX38**

12. Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE JAWATAN
PENGUASA PENJARA
GRED KX41**

13. Penolong Penguasa Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan bagi peningkatan secara lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Peolong Penguasa Penjara yang berkuat kuasa pada 1.7.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENJARA**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	KX17, KX20, KX22, KX24, KX26
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX17: RM936.00);
 - mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
 - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
 - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
 - Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KX17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
 - Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
 - Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**

**PROGRAM
TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan tamat dengan jayanya latihan asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN
KOMPETENSI DAN
POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX20**

10. Pegawai Penjara Gred KX17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX20 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX22**

11. Pegawai Penjara Gred KX20 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX22 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX24**

12. Pegawai Penjara Gred KX22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX24 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KX26**

13. Pegawai Penjara Gred KX24 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX26 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG PENGUASA
PENJARA GRED KX27**

14. Pegawai Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan bagi peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Penjara yang berkuat kuasa pada 1.7.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005].

LAMPIRAN D

SKIM PERKHIDMATAN PENGUASA BOMBA

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DAN PERTAHANAN AWAM**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **KB41, KB44, KB48, KB52, KB54**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB41:RM1,925.00);
atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB41: RM2,131.73);
atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB41:RM2,235.51);
atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB41:RM2,339.29);
atau
 - (v) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB41:RM2,443.07);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
- (e) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN BEKAS
ANGGOTA TENTERA**

- 3. Bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Leftenan atau yang setaraf dengannya dan mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai Juruterbang dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(d) dan 1(e) di atas.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

- 4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KB41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
6. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGECCUALIAN**
8. Ketua Jabatan/Perkhidmatan mengikut budi bicaranya boleh memberi pengecualian kepada anggota yang dinaikkan pangkat secara lantikan daripada perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada syarat-syarat kursus latihan yang ditetapkan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) memiliki Diploma Lanjutan Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau mana-mana kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB44**
13. Penguasa Bomba Gred KB41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KB48**

14. Penguasa Bomba Gred KB44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KB52**

15. Penguasa Bomba Gred KB48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KB54**

16. Penguasa Bomba Gred KB52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED YANG LEBIH TINGGI**

17. Penguasa Bomba Gred KB54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penguasa Bomba yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005).

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA BOMBA**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DAN PERTAHANAN AWAM**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

GRED JAWATAN/GAJI : **KB29, KB32, KB38**

TARIKH KUAT KUASA : **1 NOVEMBER 2013**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB29: RM1,705.00);
atau

- (ii) Diploma Kejuruteraan atau Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KB29: RM1,780.09);

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan

- (e) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan dari semasa ke semasa.
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT LANTIKAN BEKAS ANGGOTA TENTERA**
3. Bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Pegawai Waran II yang mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai *Aerofireman Driver Class 1* dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(d) dan 1(e) di atas.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Bomba adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KB29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
6. Pegawai yang dilantik secara terus atau peningkatan secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGECUALIAN**
8. Ketua Jabatan/Perkhidmatan mengikut budi bicaranya boleh memberi pengecualian kepada anggota yang dinaikkan pangkat secara lantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Bomba sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada syarat-syarat latihan yang ditetapkan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (c) memiliki Diploma Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau mana-mana kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB32

13. Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB38

14. Penolong Penguasa Bomba Gred KB32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENGUASA BOMBA GRED KB41

15. Penolong Penguasa Bomba yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penguasa Bomba Gred KB41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI BOMBA**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KESELAMATAN
DAN PERTAHANAN AWAM**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **KB17, KB22, KB24, KB26**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KB17: RM936.00);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
 - (e) lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan dari semasa ke semasa.
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

SYARAT LANTIKAN BEKAS ANGGOTA TENTERA	3. Bekas anggota tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau Staf Sarjan yang mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai <i>Aerofireman Driver Class 1</i> dan telah menamatkan perkhidmatan dengan baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan. Calon hendaklah juga memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan di perenggan 1(d) dan 1(e) di atas.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KB17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; (c) memiliki Sijil Sains Kebombaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau mana-mana kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB22	11. Pegawai Bomba Gred KB17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB22 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED KB24	12. Pegawai Bomba Gred KB22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB24 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED KB26**

13. Pegawai Bomba Gred KB24 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Bomba Gred KB26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG PENGUASA
BOMBA GRED KB29**

14. Pegawai Bomba yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Bomba yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENGUATKUASA**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	: N41, N44, N48, N52, N54
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM1,911.00);
atau

(ii) bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM1,911.00);
atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,114.43);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguatkuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N44**

11. Pegawai Penguatkuasa Gred N41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N44 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N48**

12. Pegawai Penguatkuasa Gred N44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N48 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N52**

13. Pegawai Penguatkuasa Gred N48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N54**

14. Pegawai Penguatkuasa Gred N52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Penguatkuasa Gred N54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

LAMPIRAN H
SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI : N27, N32, N36
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,362.00);
atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,362.00);
atau

(iii) bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,362.00)
atau

(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,661.95);

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);

- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguatkuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
